

BISMILLAH HIRRAHMA NIRRAHIM

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA
WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1
MALAYSIA.**

**YANG BERHORMAT SENATOR HENG SEAI KIE,
TIMBALAN MENTERI, KEMENTERIAN PENERANGAN,
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN,**

**YANG BERBAHAGIA, ENCIK MOHD MAHYIDIN
MUSTAKIM, KETUA PENGARAH FINAS,**

**YANG BERBAHAGIA, TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI
ZAINUL ARIFF BIN HAJI HUSSAIN PENERUSI
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI,**

**YANG BERBAHAGIA, DATO' PROF. DR. KAMARUDIN
HUSSIN, NAIB CANSELOR UniMAP,**

**DIF-DIF KEHORMAT, WAKIL-WAKIL MEDIA
SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA
SAYANGI SEKALIAN,**

ALHAMDULILLAH SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN SAYA PANJATKAN KEHADRAT ILAHI DI ATAS LIMPAH RAHMAT DAN INAYAHNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA PADA MALAM YANG PENUH INDAH INI DALAM MAJLIS ANUGERAH FESTIVAL FILEM DAN VIDEO PELAJAR MALAYSIA KE-7.

SAYA DIFAHAMKAN FESTIVAL FILEM INI MERUPAKAN SATU PROGRAM YANG BERPRESTIJ BAGI MENGHARGAI HASIL KARYA MAHASISWA IPTA/IPTS MEMBABITKAN PENGGAMBARAN, PENERBITAN DAN PENYUNTINGAN FILEM DAN VIDEO PENDEK. SAYA PERCAYA PROSES INI BUKANLAH SESUATU YANG MUDAH DAN HANYA MEREKA YANG BENAR-BENAR KREATIF SERTA MEMPUNYAI SENTUHAN SENI SAHAJA YANG MAMPU MENGHASILKAN KARYA-KARYA YANG TERBAIK DAN BERMUTU.

SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) DI ATAS KEPERCAYAAN DAN MANDAT YANG DIBERIKAN KEPADA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP) UNTUK MENJADI PENGANJUR FESTIVAL FILEM DAN VIDEO PELAJAR MALAYSIA (FFVPM) KE-7 PADA KALI INI.

SETINGGI-TINGGI TAHNIAH JUGA SAYA UCAPKAN KEPADA JAWATANKUASA PERLAKSANAAN DI ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN DALAM MENJAYAKAN PROGRAM YANG KITA ANJURKAN INI. SESUNGGUHNYA KERJASAMA DARIPADA ANDA SEMUA AMATLAH SAYA HARGAI DAN HANYA ALLAH S.W.T SAHAJA YANG MAMPU MEMBALASNYA.

SEBAGAI CANSELOR UniMAP, SAYA AMAT BERBANGGA KERANA UNIVERSITI YANG BERTERASKAN KEJURUTERAAN MAMPU MENGGALAS TANGGUNGJAWAB INI. DAN SAYA JUGA PERCAYA KEJAYAAN PENGANJURAN FESTIVAL INI AKAN MENJADI LANGKAH PERTAMA UniMAP UNTUK LEBIH BERUSAHA MENGECAPI KEGEMILANGAN DAN KEJAYAAN PADA TAHUN INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA KASIHI SEKALIAN,

SAYA AMAT TERTARIK DENGAN TEMA YANG TELAH DIPILIH IAITU “KEARAH PERSADA SATU MALAYSIA” YANG SEMEMANGNYA TELAH MELAMBANGKAN NEGARA MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAJMUK DAN BERBILANG AGAMA.

JUSTERU ITU, SAYA PERCAYA MELALUI FILEM KITA MAMPU MEWUJUDKAN SEMANGAT PERPADUAN YANG JITU DIKALANGAN RAKYAT NEGARA INI. PEPATAH ADA MENYATAKAN “MELENTUR BULUH BIARLAH DARI REBUNGNYA”. DAN SAYA MELIHAT MAHASISWA INI MASIH BOLEH DIKATEGORIKAN SEBAGAI REBUNG YANG PERLUKAN TUNJUK AJAR DAN BIMBINGAN DALAM MENGHADAPI PERSAINGAN INDUSTRI PERFILEMAN DI MASA AKAN DATANG.

BESARLAH HARAPAN SAYA AGAR GENERASI MUDA INI MAMPU MEMIKUL CABARAN DAN SETERUSNYA MENJAGA PERPADUAN ANTARA MASYARAKAT DI MALAYSIA. SAYA JUGA MENYERU AGAR GOLONGAN PELAPIS SENI INI SENTIASA MENGGUNAKAN AKAL FIKIRAN DALAM TINDAK TANDUK SEHARIAN DAN TIDAK MENIMBULKAN SEBARANG KEKECOHAN.

UMUM MENGETAHUI BARU-BARU INI MALAYSIA DIKEJUTKAN DENGAN ISU SERANGAN GEREJA YANG MANA IA BUKAN SAHAJA MENDEDAHKAN KEPADA PERPECAHAN KAUM SEBALIKNYA TURUT MENYEBABKAN KEROSAKAN HARTA BENDA. MEMANG BENAR BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR FIZIKAL MAMPU DIDIRIKAN SEMULA DENGAN ADANYA MODAL DAN KEWANGAN.

**NAMUN ADALAH AMAT SUKAR UNTUK
MENCANTUMKAN KEMBALI MASYARAKAT MALAYSIA
SEKIRANYA BERLAKU PERPECAHAN DAN
PERGADUHAN ANTARA KAUM.**

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

**SAYA BERHARAP MELALUI PENGANJURAN FESTIVAL
FILEM SEPERTI INI SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT
MEMUPUK SEMANGAT KEKITAAN YANG TINGGI
DIKALANGAN MAHASISWA DAN WARGA MALAYSIA.**

**SUKA SAYA INGATKAN KEPADA PARA PESERTA YANG
MENGAMBIL BAHAGIAN AGAR MENERUSKAN USAHA
ANDA SEBAGAI PENGGIAT FILEM BAGI MENGHASILKAN
KARYA YANG BERKUALITI DEMI DALAM USAHA
MEMPERKASAKAN INDUSTRI FILEM NEGARA. KEPADA
YANG MENANG TERUSKANLAH MENGGILAP BAKAT
ANDA DAN BAGI YANG GAGAL JANGAN MUDAH
BERPUTUS ASA.**

**AKHIR SEKALI, BESARLAH HARAPAN SAYA, AGAR
FFVPM7 ANJURAN UNIMAP DENGAN KERJASAMA
FINAS INI, DAPAT MEREALISASIKAN IMPIAN PEMINAT
SERTA PENCINTA FILEM DAN VIDEO TANAH AIR
DALAM MENGHASILKAN KARYA YANG BERMUTU
TINGGI SEKALI GUS MEMARTABATKAN INDUSTRI
PERFILEMAN DAN VIDEO DI MALAYSIA KE PERSADA
ANTARABANGSA.**

**SAYA SUDAH DENGAN WABILLAHITAUFIK
WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.**